- Tekan butang  dan  atau  dengan serentak untuk menyalin dalam mod draf, yang menggunakan kurang dakwat dan mencetak pada ketumpatan rendah.
- Warna, saiz dan sempadan imej yang disalin sedikit berbeza daripada dokumen.

Maklumat Berkaitan

- ➔ ["Memasukkan Kertas ke dalam Suapan Kertas Belakang"](#) pada halaman 18
- ➔ ["Meletakkan Dokumen Asal pada Kaca Pengimbas"](#) pada halaman 21

Membuat Berbilang Salinan

Anda boleh membuat berbilang salinan pada satu-satu masa. Anda boleh membuat sehingga 20 salinan. Margin dengan lebar 3 mm dipaparkan disekeliling hujung kertas.

1. Muatkan bilangan helaian kertas saiz A4 yang sama seperti bilangan salinan yang anda mahu salin.
2. Letakkan dokumen asal.
3. Tekan butang  atau  pada bilangan yang sama seperti bilangan salinan yang anda mahu buat. Contohnya, jika anda mahu membuat 10 salinan berwarna, tekan butang  10 kali.

Perhatian:

Tekan butang selama satu saat untuk menukar bilangan salinan. Jika butang ditekan selepas satu saat, bilangan salinan ditetapkan dan salinan bermula.

Maklumat Berkaitan

- ➔ ["Memasukkan Kertas ke dalam Suapan Kertas Belakang"](#) pada halaman 18
- ➔ ["Meletakkan Dokumen Asal pada Kaca Pengimbas"](#) pada halaman 21



Pengimbasan

Mengimbas daripada Panel Kawalan

Anda boleh menyimpan imej yang telah diimbas dalam format PDF pada komputer yang disambungkan pada pencetak melalui kabel USB.

**Penting:**

Pastikan anda telah memasang Epson Scan 2 dan Epson Event Manager pada komputer anda sebelum menggunakan ciri ini.

1. Letakkan dokumen asal.
2. Tekan butang  dan butang  secara berturutan.

Perhatian:

- Anda boleh menukar tetapan imbasan seperti saiz imbasan, folder untuk disimpan atau format simpanan dengan menggunakan Epson Event Manager.
- Warna, saiz dan sempadan imej yang diimbas tidak akan benar-benar sama seperti dokumen.

Maklumat Berkaitan

- ➔ ["Meletakkan Dokumen Asal pada Kaca Pengimbas" pada halaman 21](#)
- ➔ ["Epson Event Manager" pada halaman 69](#)

Mengimbas daripada Komputer

Mengimbas Menggunakan Epson Scan 2

Anda boleh mengimbas menggunakan pemacu pengimbas "Epson Scan 2". Lihat bantuan Epson Scan 2 untuk penjelasan setiap item tetapan.

Maklumat Berkaitan

- ➔ ["Epson Scan 2 \(Pemacu Pengimbas\)" pada halaman 68](#)


Mengimbas Dokumen (Mod Dokumen)

Menggunakan **Mod Dokumen** dalam Epson Scan 2, anda boleh mengimbas dokumen menggunakan tetapan terperinci yang sesuai untuk dokumen teks.

1. Letakkan dokumen asal.
2. Mulakan Epson Scan 2.

Pengimbasan

3. Pilih **Mod Dokumen** daripada senarai **Mod**.
4. Buat tetapan yang berikut pada tab **Tetapan Utama**.



- Saiz Dokumen:** Pilih saiz dokumen yang diletakkan.
- Jenis Imej:** Pilih warna untuk menyimpan imej yang diimbas.
- Resolusi:** Pilih resolusi.

Perhatian:

Tetapan **Sumber Dokumen** ditetapkan sebagai **Kaca Pengimbas**. Anda tidak boleh mengubah tetapan ini.

5. Buat tetapan imbasan lain jika perlu.
 - Anda boleh pratonton imej yang diimbas dengan mengklik butang **Pratonton**. Tetingkap pratonton dibuka dan imej yang dipratonton dipaparkan.


Pengimbasan

- ❑ Pada tab **Tetapan Lanjutan**, anda boleh membuat tetapan pelarasan imej terperinci yang sesuai untuk dokumen teks seperti berikut.
 - ❑ **Maska Kabur**: Anda boleh meningkatkan dan menajamkan garis bentuk imej.
 - ❑ **Nyahpenyaringan**: Anda boleh membuang corak moiré (bayang seperti web) yang kelihatan semasa mengimbas kertas bercetak seperti majalah.
 - ❑ **Peningkatan Text**: Anda boleh menjelaskan dan menajamkan huruf yang kabur dalam dokumen.
 - ❑ **Pensegmenan Kawasan Auto**: Anda boleh menjadikan huruf lebih jelas dan imej lebih licin semasa melakukan imbasan hitam dan putih untuk dokumen yang mengandungi imej.

Perhatian:

Item mungkin tidak tersedia bergantung pada tetapan lain yang anda buat.

6. Tetapkan tetapan menyimpan fail.



- ❑ **Format Imej**: Pilih format simpanan daripada senarai.
Anda boleh membuat tetapan terperinci untuk setiap format simpanan kecuali BITMAP dan PNG. Pilih **Pilihan** daripada senarai selepas memilih format simpanan.
- ❑ **Nama Fail**: Sahkan nama fail yang disimpan yang dipaparkan.
Anda boleh menukar tetapan untuk nama fail dengan memilih **Tetapan** daripada senarai.

Pengimbasan

- ❑ **Folder:** Pilih folder simpanan untuk imej yang diimbas daripada senarai.
Anda boleh memilih folder lain atau membuat folder baru dengan memilih **Pilih** daripada senarai.

7. Klik **Imbas**.


Maklumat Berkaitan

➔ ["Meletakkan Dokumen Asal pada Kaca Pengimbas"](#) pada halaman 21

Mengimbas Foto atau Gambar (Mod Foto)

Menggunakan **Mod Foto** dalam Epson Scan 2, anda boleh mengimbas dokumen dengan pelbagai ciri pelarasan imej yang sesuai untuk foto atau gambar.

- Letakkan dokumen asal.
Dengan meletakkan beberapa dokumen pada kaca pengimbas, anda boleh mengimbasnya pada masa yang sama. Pastikan ada jarak sekurang-kurangnya 20 mm antara dokumen.
- Mulakan Epson Scan 2.
- Pilih **Mod Foto** daripada senarai **Mod**.
- Buat tetapan yang berikut pada tab **Tetapan Utama**.



Pengimbasan


- ❑ **Jenis Imej:** Pilih warna untuk menyimpan imej yang diimbas.
- ❑ **Resolusi:** Pilih resolusi.

Perhatian:

Tetapan **Sumber Dokumen** ditetapkan sebagai **Kaca Pengimbas** dan tetapan **Jenis Dokumen** ditetapkan sebagai **Memantul**. (**Memantul** bermaksud dokumen yang tidak lut sinar, contohnya kertas biasa atau foto.) Anda tidak boleh mengubah tetapan ini.

5. Klik **Pratonton**.

Tetingkap pratonton dibuka dan imej yang dipratonton dipaparkan sebagai imej kecil.




Perhatian:

Untuk pratonton seluruh kawasan yang diimbas, pilih **Normal** daripada senarai di bahagian atas tetingkap pratonton.

Pengimbasan

6. Sahkan pratonton dan buat tetapan pelarasan imej pada tab **Tetapan Lanjutan** jika perlu.



Anda boleh melaraskan imej yang diimbas menggunakan tetapan terperinci yang sesuai untuk foto atau gambar seperti berikut.


- Kecerahan:** Anda boleh melaraskan kecerahan untuk imej yang diimbas.
- Kontras:** Anda boleh melaraskan kontras untuk imej yang diimbas.
- Penepuan:** Anda boleh melaraskan penepuan (kejelasan warna) untuk imej yang diimbas.
- Maska Kabur:** Anda boleh meningkatkan dan menajamkan garis bentuk imej yang diimbas.
- Pemulihan Warna:** Anda boleh membetulkan imej yang telah kabur untuk mengembalikannya kepada warna asalnya.
- Pembetulan Cahaya Blak:** Anda boleh mencerahkan imej yang diimbas yang menjadi gelap kerana cahaya latar.
- Nyahpenyaringan:** Anda boleh membuang corak moiré (bayang seperti web) yang kelihatan semasa mengimbas kertas bercetak seperti majalah.
- Pembuangan Habuk:** Anda boleh membuang habuk pada imej yang diimbas.

Perhatian:

- Item mungkin tidak tersedia bergantung pada tetapan lain yang anda buat.*
- Bergantung pada dokumen, imej yang diimbas mungkin tidak dapat dilaraskan dengan betul.*
- Apabila beberapa imej kecil dibuat, anda boleh melaraskan kualiti imej untuk setiap imej kecil. Bergantung pada item pelarasan, anda boleh melaraskan kualiti imej yang diimbas secara serentak dengan memilih beberapa imej kecil.*

Pengimbasan

7. Tetapkan tetapan menyimpan fail.



- ❑ **Format Imej:** Pilih format simpanan daripada senarai.

Anda boleh membuat tetapan terperinci untuk setiap format simpanan kecuali BITMAP dan PNG. Pilih **Pilihan** daripada senarai selepas memilih format simpanan.

- ❑ **Nama Fail:** Sahkan nama fail yang disimpan yang dipaparkan.

Anda boleh menukar tetapan untuk nama fail dengan memilih **Tetapan** daripada senarai.

- ❑ **Folder:** Pilih folder simpanan untuk imej yang diimbas daripada senarai.

Anda boleh memilih folder lain atau membuat folder baru dengan memilih **Pilih** daripada senarai.

8. Klik **Imbas**.

Maklumat Berkaitan

- ➔ ["Meletakkan Dokumen Asal pada Kaca Pengimbas"](#) pada halaman 21
- ➔ ["Meletakkan Beberapa Foto untuk Diimbas pada Masa yang Sama"](#) pada halaman 22


Mengisi Semula Dakwat

Memeriksa Paras Dakwat

Untuk mengesahkan baki dakwat sebenar, periksa secara visual tahap dakwat dalam semua tangki pencetak.

! Penting:

Jika mana-mana tangki dakwat tidak dipenuhi sehingga garisan lebih rendah, isi semula sehingga garisan atas. Penggunaan berterusan pencetak apabila tahap dakwat adalah di bawah garisan lebih rendah pada tangki-tangki boleh merosakkan pencetak.



Kod Botol Dakwat

Epson mengesyorkan penggunaan botol dakwat Epson yang tulen. Jaminan Epson tidak melindungi kerosakan yang disebabkan oleh dakwat selain daripada yang dinyatakan, termasuk mana-mana dakwat Epson tulen yang tidak direka bentuk untuk pencetak ini atau mana-mana dakwat pihak ketiga.

Produk lain yang tidak dikeluarkan oleh Epson boleh menyebabkan kerosakan yang tidak dilindungi oleh jaminan Epson, dan dalam keadaan tertentu, boleh menyebabkan pencetak tidak berfungsi dengan betul.

Berikut adalah kod botol dakwat tulen Epson.

| BK: Black (Hitam) | C: Cyan (Sian) | M: Magenta | Y: Yellow (Kuning) |
|-------------------|----------------|------------|--------------------|
| 664 | 664 | 664 | 664 |

! Penting:

Penggunaan dakwat Epson tulen selain daripada dakwat yang dinyatakan boleh menyebabkan kerosakan yang tidak dilindungi oleh jaminan Epson.

Perhatian:

- ❑ Kod botol dakwat mungkin berbeza mengikut lokasi. Untuk mendapatkan kod yang betul di kawasan anda, hubungi sokongan Epson.
- ❑ Bagi pengguna di Eropah, layari laman web berikut untuk maklumat mengenai kadar hasil botol dakwat Epson ini.

<http://www.epson.eu/pageyield>

Langkah Berjaga-jaga Pengendalian Botol Dakwat

Baca arahan berikut sebelum mengisi dakwat.

Langkah berjaga-jaga pengendalian

- Gunakan botol dakwat dengan kod bahagian yang betul untuk pencetak ini.
- Pencetak ini memerlukan pengendalian dakwat dengan berhati-hati. Dakwat mungkin terpercik apabila tangki-tangki dakwat sedang diisi atau diisi semula dengan dakwat. Sekiranya dakwat terkena pada pakaian atau barang-barang anda, ia mungkin tidak boleh dihilangkan.
- Simpan botol dakwat pada suhu bilik normal dan jauhkan mereka dari cahaya matahari langsung.
- Epson mengesyorkan supaya menggunakan botol dakwat sebelum tarikh yang dicetak pada bungkusan.
- Simpan botol dakwat dalam persekitaran yang sama seperti pencetak.
- Apabila menyimpan atau membawa botol dakwat selepas menanggalkan meterainya, jangan condongkan botol dan jangan biarkan ia terdedah kepada impak atau perubahan suhu. Jika tidak, dakwat mungkin bocor walaupun penutup pada botol dakwat itu diperketatkan dengan selamat. Pastikan botol dakwat menegak apabila mengetatkan penutupnya, dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah dakwat dari bocor apabila anda membawa botol.
- Selepas membawa botol dakwat keluar dari tempat penyimpanan sejuk, biarkan ia panas ke suhu bilik selama sekurang-kurangnya tiga jam sebelum menggunakannya.
- Jangan buka pakej botol dakwat sehingga anda sudah bersedia untuk mengisi tangki dakwat. Botol dakwat adalah dibungkus vakum untuk mengekalkan kebolehpercayaannya. Sekiranya anda membiarkan botol dakwat tidak dibungkus untuk masa yang lama sebelum menggunakannya, percetakan biasa tidak mungkin boleh dilakukan.
- Jika mana-mana tangki dakwat tidak dipenuhi sehingga garisan lebih rendah, isi semula dakwat secepat mungkin. Penggunaan berterusan pencetak apabila tahap dakwat adalah di bawah garisan lebih rendah pada tangki-tangki boleh merosakkan pencetak.
- Walaupun botol dakwat mungkin mengandungi bahan-bahan kitar semula, ini tidak menjejaskan fungsi pencetak atau prestasi.
- Spesifikasi dan rupa botol dakwat adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis terlebih dahulu untuk penambahbaikan.
- Kadar hasil semasa sebut harga mungkin berbeza-beza bergantung kepada imej yang anda cetak, jenis kertas yang anda gunakan, kekerapan cetakan dan keadaan persekitaran seperti suhu.

Penggunaan dakwat

- Untuk mengekalkan prestasi optimum kepala cetakan, sesetengah dakwat digunakan dari semua tangki dakwat bukan sahaja semasa percetakan tetapi juga semasa operasi penyelenggaraan seperti pembersihan kepala cetakan.
- Apabila mencetak dalam monokrom atau skala kelabu, dakwat warna bukan dakwat hitam mungkin digunakan bergantung pada tetapan kualiti jenis kertas atau cetak. Ini adalah kerana campuran dakwat warna digunakan untuk mencipta warna hitam.


Mengisi Semula Dakwat

- ❑ Dakwat dalam botol-botol dakwat yang dibekalkan dengan pencetak anda sebahagiannya digunakan semasa persediaan awal. Dalam usaha untuk menghasilkan cetakan berkualiti tinggi, kepala cetakan di pencetak anda akan dicas sepenuhnya dengan dakwat. Proses sekali ini menggunakan kuantiti dakwat dan oleh itu botol-botol ini mungkin menghasilkan cetakan halaman yang lebih sedikit berbanding botol dakwat berikutnya.

Mengisi Semula Tangki Dakwat


Dakwat boleh diisi pada bila-bila masa.

1. Buka cangkuk unit tangki dakwat daripada pencetak dan letakkan ia ke bawah.




! Penting:
Jangan tarik tiub.

2. Buka penutup unit tangki dakwat, dan kemudian keluarkan penutup tangki dakwat.




- ! Penting:**
- ❑ *Berhati-hati untuk tidak menumpahkan sebarang dakwat.*
 - ❑ *Pastikan warna tangki dakwat sepadan dengan warna dakwat yang anda mahu isi semula.*




Mengisi Semula Dakwat

3. Sentap atas penutup, keluarkan penutup botol dakwat, keluarkan meterai dari botol, dan kemudian pasang penutup.



! **Penting:**


Tutup penutup botol dakwat dengan ketat; jika tidak dakwat mungkin bocor.



Perhatian:

Jangan buang bahagian atas penutup. Sekiranya sebarang dakwat kekal dalam botol dakwat selepas mengisi semula tangki, gunakan bahagian atas penutup untuk menutup penutup botol dakwat.


4. Isi semula tangki dakwat dengan dakwat berwarna yang betul sehingga garis atas pada tangki dakwat.




Mengisi Semula Dakwat

Perhatian:


Sekiranya sebarang dakwat kekal dalam botol dakwat selepas mengisi tangki dakwat sehingga garisan atas, pasang atas penutup dengan selamat dan simpan botol dakwat secara menegak untuk digunakan di kemudian hari.




5. Tutup penutup pada tangki dakwat dengan selamat.



6. Tutup penutup unit tangki dakwat.



7. Cangkukkan unit tangki dakwat ke pencetak.



Mengisi Semula Dakwat

Maklumat Berkaitan

- ➔ "Kod Botol Dakwat" pada halaman 49
- ➔ "Langkah Berjaga-jaga Pengendalian Botol Dakwat" pada halaman 50

Penjagaan Pencetak

Memeriksa dan Membersihkan Kepala Cetakan

Sekiranya muncung tersumbat, cetakan menjadi malap, terdapat penjaluran yang nyata, atau warna yang tidak dijangka muncul. Apabila kualiti cetakan telah menurun, gunakan ciri periksa muncung dan periksa jika muncung tersumbat. Sekiranya muncung tersumbat, bersihkan kepala cetakan.



**Penting:**

Jangan buka unit pengimbas atau mematikan pencetak semasa pembersihan kepala. Sekiranya pembersihan kepala tidak lengkap, anda mungkin tidak dapat mencetak.

Perhatian:


- ❑ *Oleh kerana pembersihan kepala cetakan menggunakan sedikit dakwat, bersihkan kepala cetak hanya jika kualiti menurun.*
- ❑ *Apabila paras dakwat rendah, anda mungkin tidak dapat membersihkan kepala cetakan. Sediakan botol dakwat baharu.*
- ❑ *Sekiranya kualiti cetakan tidak bertambah baik selepas berkali-kali memeriksa muncung dan membersihkan kepala tiga kali, tunggu sekurang-kurangnya 12 jam tanpa percetakan, dan kemudian lakukan pemeriksaan muncung sekali lagi dan mengulangi pembersihan kepala jika perlu. Kami mengesyorkan supaya mematikan pencetak. Sekiranya kualiti cetakan masih tidak bertambah baik, hubungi sokongan Epson.*
- ❑ *Untuk mengelakkan kepala cetakan daripada menjadi kering, jangan mencabut palam pencetak semasa kuasa dihidupkan.*
- ❑ *Untuk memastikan kepala cetakan beroperasi secara terbaik, kami mencadangkan mencetak beberapa muka surat secara tetap.*


Memeriksa dan Membersihkan Kepala Cetakan — Butang Pencetak

1. Masukkan kertas biasa bersaiz A4 dalam pencetak.
2. Tekan butang  untuk mematikan pencetak.
3. Hidupkan pencetak dengan menekan butang  ke bawah dan lepaskan butang apabila lampu kuasa berkelip.
Corak pemeriksa nozel dicetak.

Penjagaan Pencetak

- Periksa corak cetakan. Jika ada garisan terputus atau bahagian yang hilang seperti ditunjukkan dalam corak "NG", nozel kepala cetakan mungkin tersumbat. Pergi ke langkah seterusnya. Jika anda tidak melihat sebarang garisan terputus atau bahagian yang hilang seperti corak berikut "OK", nozel tidak tersumbat. Cucian kepala cetakan adalah tidak perlu.



- Tekan dan tahan butang  selama tiga saat sehingga lampu kuasa mula berkelip. Pembersihan kepala cetakan bermula.
- Apabila lampu kuasa berhenti berkelip, cetak corak pemeriksaan nozel sekali lagi. Ulang pembersihan dan mencetak corak sehingga semua garisan dicetak sepenuhnya.

Maklumat Berkaitan

- ➔ ["Memasukkan Kertas ke dalam Suapan Kertas Belakang" pada halaman 18](#)


Memeriksa dan Membersihkan Kepala Cetakan — Windows

- Masukkan kertas biasa bersaiz A4 dalam pencetak.
- Akses tettingkap pemacu pencetak.
- Klik **Pemeriksaan Nozel** pada tab **Penyelenggaraan**.
- Ikut arahan pada skrin.

Maklumat Berkaitan

- ➔ ["Memasukkan Kertas ke dalam Suapan Kertas Belakang" pada halaman 18](#)
- ➔ ["Pemacu Pencetak Windows" pada halaman 62](#)

Memeriksa dan Membersihkan Kepala Cetakan — Mac OS X

- Masukkan kertas biasa bersaiz A4 dalam pencetak.
- Pilih **Keutamaan Sistem** daripada  menu > **Pencetak & Pengimbas** (atau **Cetak & Imbas, Cetak & Faks**), kemudian pilih pencetak.
- Klik **Pilihan & Perlengkapan** > **Utiliti** > **Buka Utiliti Pencetak**.

Penjagaan Pencetak

4. Klik **Pemeriksaan Nozel**.
5. Ikut arahan pada skrin.

Maklumat Berkaitan

➔ "[Memasukkan Kertas ke dalam Suapan Kertas Belakang](#)" pada halaman 18

Gantikan Dakwat di dalam Tiub Dakwat

Jika anda tidak menggunakan pencetak dalam masa yang lama dan terlihat jalur atau warna yang hilang dalam hasil cetakan, anda mungkin perlu menggantikan dakwat di dalam tiub dakwat untuk menyelesaikan masalah ini. Utiliti **Siraman Dakwat Kuasa** membolehkan anda menggantikan semua dakwat di dalam tiub dakwat.

Penting:

- ❑ *Ciri ini menggunakan banyak dakwat. Sebelum menggunakan ciri ini, pastikan terdapat dakwat yang mencukupi di dalam tangki-tangki dakwat pencetak. Sekiranya tidak ada dakwat yang mencukupi, sila isi semula tangki-tangki dakwat.*
- ❑ *Ciri ini memberi kesan pada jangka hayat perkhidmatan pad dakwat. Pad dakwat mencapai kapasitinya lebih awal dengan menjalankan ciri ini. Sila hubungi Epson atau pembekal perkhidmatan Epson yang diperakui untuk meminta penggantian sebelum tamat hayat perkhidmatannya. Ini bukan bahagian yang boleh diservis oleh pengguna.*
- ❑ *Selepas menggunakan utiliti Siraman Dakwat Kuasa, matikan pencetak dan tunggu sekurang-kurangnya 12 jam. Menggunakan ciri ini meningkatkan kualiti cetak selepas 12 jam, walau bagaimanapun, ia tidak boleh digunakan semula dalam tempoh 12 jam selepas penggunaan terakhir. Sekiranya anda masih tidak dapat menyelesaikan masalah tersebut selepas mencuba semua kaedah di atas, hubungi sokongan Epson.*


Menggantikan Dakwat di dalam Tiub Dakwat — Windows

1. Akses tettingkap pemacu pencetak.
2. Klik **Siraman Dakwat Kuasa** pada tab **Penyelenggaraan**.
3. Ikut arahan pada skrin.

Maklumat Berkaitan

➔ "[Pemacu Pencetak Windows](#)" pada halaman 62

Menggantikan Dakwat di dalam Tiub Dakwat — Mac OS X

1. Pilih **Keutamaan Sistem** daripada  menu > **Pencetak & Pengimbas** (atau **Cetak & Imbas, Cetak & Faks**), kemudian pilih pencetak.
2. Klik **Pilihan & Perlengkapan** > **Utiliti** > **Buka Utiliti Pencetak**.

Penjagaan Pencetak

3. Klik **Siraman Dakwat Kuasa**.
4. Ikut arahan pada skrin.

Menjajarkan Kepala Cetakan

Sekiranya anda mendapati salah jajaran garisan menegak atau imej adalah kabur, sila jajarkan kepala cetakan.


Menjajarkan Kepala Cetakan — Windows

1. Masukkan kertas biasa bersaiz A4 dalam pencetak.
2. Akses tettingkap pemacu pencetak.
3. Klik **Penjajaran Kepala Cetak** pada tab **Penyelenggaraan**.
4. Ikut arahan pada skrin.

Maklumat Berkaitan

- ➔ ["Memasukkan Kertas ke dalam Suapan Kertas Belakang"](#) pada halaman 18
- ➔ ["Pemacu Pencetak Windows"](#) pada halaman 62

Menjajarkan Kepala Cetakan — Mac OS X

1. Masukkan kertas biasa bersaiz A4 dalam pencetak.
2. Pilih **Keutamaan Sistem** daripada  menu > **Pencetak & Pengimbas** (atau **Cetak & Imbas, Cetak & Faks**), kemudian pilih pencetak.
3. Klik **Pilihan & Perlengkapan** > **Utiliti** > **Buka Utiliti Pencetak**.
4. Klik **Print Head Alignment**.
5. Ikut arahan pada skrin.

Maklumat Berkaitan

- ➔ ["Memasukkan Kertas ke dalam Suapan Kertas Belakang"](#) pada halaman 18

Membersihkan Laluan Kertas

Apabila cetakan menjadi comot atau haus, bersihkan bahagian dalam pengelek.

Penjagaan Pencetak

! **Penting:**

Jangan gunakan kertas tisu untuk membersihkan bahagian dalam pencetak. Muncung kepala cetakan mungkin tersumbat dengan lin.

1. Pastikan tiada habuk atau kotoran di atas kaca pengimbas dan penutup dokumen.
2. Masukkan kertas biasa bersaiz A4 dalam pencetak.
3. Mula menyalin tanpa meletakkan dokumen pada kaca pengimbas.
Kertas ditolak keluar daripada pencetak.
4. Ulangi prosedur ini sehingga kertas tersebut tidak comot dengan dakwat.

Perhatian:

Jika anda menghadapi masalah suapan kertas dan jika anda mempunyai helaian pembersih yang disertakan dengan kertas tulen Epson, anda mungkin boleh menyelesaikan masalah suapan kertas dengan menggunakan helaian pembersih selain daripada menggunakan kertas biasa bersaiz A4. Semasa menggunakan helaian pembersih, muatkan helaian dalam pencetak dengan mengikut arahan yang disertakan dengan helaian itu. Ulangi prosedur ini beberapa kali menggunakan helaian pembersih.

Maklumat Berkaitan

- ➔ ["Memasukkan Kertas ke dalam Suapan Kertas Belakang"](#) pada halaman 18
- ➔ ["Asas Menyalin"](#) pada halaman 41


Membersihkan Kaca Pengimbas

Apabila salinan atau imej yang telah diimbas adalah comot atau haus, bersihkan kaca pengimbas.

! **Penting:**

Jangan sekali-kali menggunakan alkohol atau pencair untuk membersihkan pencetak. Bahan kimia ini boleh merosakkan pencetak.

1. Buka penutup dokumen.



Penjagaan Pencetak

- Gunakan kain lembut, kering, bersih untuk membersihkan permukaan kaca pengimbas.

Perhatian:



- ❑ *Sekiranya permukaan kaca dicemari dengan gris atau beberapa bahan lain yang sukar untuk dihapuskan, gunakan sedikit pembersih kaca dan kain lembut untuk mengeluarkannya. Mengelap semua cecair yang tinggal.*
- ❑ *Jangan menekan permukaan kaca terlalu kuat.*
- ❑ *Berhati-hati agar tidak mencalar atau merosakkan permukaan kaca. Permukaan kaca yang rosak boleh mengurangkan kualiti imbasan.*

Memeriksa Jumlah Helaian Yang Dimasukkan Melalui Pencetak

Anda boleh memeriksa jumlah helaian yang dimasukkan melalui pencetak.

Memeriksa Jumlah Helaian Yang Dimasukkan Melalui Pencetak — Butang Pencetak

Maklumat yang dicetak bersama-sama dengan corak periksa muncung.

- Masukkan kertas biasa bersaiz A4 dalam pencetak.
- Tekan butang  untuk mematikan pencetak.
- Hidupkan pencetak dengan menekan butang  ke bawah dan lepaskan butang apabila lampu kuasa berkelip.

Maklumat Berkaitan

➔ ["Memasukkan Kertas ke dalam Suapan Kertas Belakang" pada halaman 18](#)


Memeriksa Jumlah Helaian Yang Dimasukkan Melalui Pencetak — Windows

- Akses tettingkap pemacu pencetak.
- Klik **Maklumat Pencetak dan Pilihan** pada tab **Penyelenggaraan**.

Maklumat Berkaitan

➔ ["Pemacu Pencetak Windows" pada halaman 62](#)

Memeriksa Jumlah Helaian Yang Dimasukkan Melalui Pencetak — Mac OS X

1. Pilih **Keutamaan Sistem** daripada  menu > **Pencetak & Pengimbas** (atau **Cetak & Imbas, Cetak & Faks**), kemudian pilih pencetak.
2. Klik **Pilihan & Perlengkapan** > **Utiliti** > **Buka Utiliti Pencetak**.
3. Klik **Printer and Option Information**.

Menjimatkan Kuasa

Pencetak memasuki mod tidur atau dimatikan secara automatik jika tiada operasi dilakukan bagi tempoh yang ditetapkan. Anda boleh melaraskan masa sebelum pengurusan kuasa dikenakan. Sebarang kenaikan akan memberi kesan kepada kecekapan tenaga produk. Sila pertimbangkan persekitaran sebelum membuat apa-apa perubahan.


Menjimatkan Kuasa — Windows

1. Akses tettingkap pemacu pencetak.
2. Klik **Maklumat Pencetak dan Pilihan** pada tab **Penyelenggaraan**.
3. Pilih tempoh masa sebelum pencetak memasuki mod tidur pada tetapan **Pemasa Tidur**, dan klik **Hantar**. Untuk membuat pencetak dimatikan secara automatik, pilih tempoh masa pada tetapan **Pemasa Matikan Kuasa**, dan klik **Hantar**.
4. Klik **OK**.

Maklumat Berkaitan

➔ ["Pemacu Pencetak Windows"](#) pada halaman 62

Menjimatkan kuasa — Mac OS X

1. Pilih **Keutamaan Sistem** daripada  menu > **Pencetak & Pengimbas** (atau **Cetak & Imbas, Cetak & Faks**), kemudian pilih pencetak.
2. Klik **Pilihan & Perlengkapan** > **Utiliti** > **Buka Utiliti Pencetak**.
3. Klik **Tetapan Pencetak**.
4. Pilih tempoh masa sebelum pencetak memasuki mod tidur pada tetapan **Pemasa Tidur**, dan klik **Gunakan**. Untuk membuat pencetak dimatikan secara automatik, pilih tempoh masa pada tetapan **Pemasa Matikan Kuasa**, dan klik **Gunakan**.

Maklumat Perisian

Bahagian ini memperkenalkan produk perisian yang tersedia untuk pencetak anda daripada CD yang dibekalkan.

Pemacu Pencetak Windows

Pemacu pencetak mengawal pencetak mengikut arahan daripada aplikasi. Membuat tetapan pada pemacu pencetak menyediakan hasil percetakan terbaik. Anda juga boleh memeriksa status pencetak atau memeliharanya dalam keadaan pengendalian terbaik menggunakan utiliti pemacu pencetak.

Perhatian:

*Anda boleh menukar bahasa pemacu pencetak. Pilih bahasa yang anda ingin guna daripada tetapan **Bahasa** pada tab **Penyelenggaraan**.*

Mengakses pemacu pencetak daripada aplikasi

Untuk membuat tetapan yang dipakai hanya bagi aplikasi yang anda gunakan, akses daripada aplikasi tersebut.

Pilih **Cetakan** atau **Cetakan** daripada menu **Fail**. Pilih pencetak anda, dan kemudian klik **Pilihan** atau **Sifat**.

Perhatian:

Operasi berbeza bergantung kepada aplikasi. Lihat bantuan dalam aplikasi ini untuk maklumat lanjut.

Mengakses pemacu pencetak daripada panel kawalan

Untuk membuat tetapan yang terpakai bagi semua aplikasi, akses dari panel kawalan.

Windows 10

Klik kanan butang mula atau tekan dan tahan, kemudian pilih **Panel Kawalan > Lihat peranti dan pencetak** dalam **Perkakasan dan Bunyi**. Klik kanan pada pencetak anda, atau tekan dan tahan dan kemudian pilih **Pilihan percetakan**.

Windows 8.1/Windows 8

Pilih **Desktop > Tetapan > Panel Kawalan > Lihat peranti dan pencetak** dalam **Perkakasan dan Bunyi**. Klik kanan pada pencetak anda, atau tekan dan tahan dan kemudian pilih **Pilihan percetakan**.

Windows 7

Klik butang mula, dan pilih **Panel Kawalan > Lihat peranti dan pencetak** dalam **Perkakasan dan Bunyi**. Klik kanan pada pencetak anda dan pilih **Pilihan percetakan**.

Windows Vista

Klik butang mula, dan pilih **Panel Kawalan > Pencetak** dalam **Perkakasan dan Bunyi**. Klik kanan pada pencetak anda dan pilih **Pilih pilihan percetakan**.

Windows XP

Klik butang mula, dan pilih **Panel Kawalan > Pencetak dan Perkakasan Lain > Pencetak dan Faks**. Klik kanan pada pencetak anda dan pilih **Pilihan percetakan**.

Maklumat Perisian

Mengakses pemacu pencetak daripada ikon pencetak pada bar tugas

Ikon pencetak pada bar tugas desktop ialah ikon pintasan yang membolehkan anda mengakses pemacu pencetak dengan cepat.

Jika anda mengklik ikon pencetak dan memilih **Tetapan Pencetak**, anda boleh mengakses tetapan pencetak yang sama seperti yang dipaparkan daripada panel kawalan. Jika anda dwiklik ikon ini, anda boleh memeriksa status pencetak.

Perhatian:

*Jika ikon pencetak tidak dipaparkan pada bar tugas, akses tetapan pemacu pencetak, klik **Keutamaan Pengawasan** pada tab **Penyelenggaraan**, kemudian pilih **Daftar ikon pintasan pada bar tugas**.*

Memulakan utiliti

Akses tetapan pemacu pencetak. Klik tab **Penyelenggaraan**.


Panduan kepada Pemacu Pencetak Windows

Bantuan tersedia dalam pemacu pencetak untuk Windows. Untuk melihat penjelasan item tetapan, klik kanan pada setiap item dan kemudian klik **Bantuan**.

Tab Utama

Anda boleh membuat tetapan asas untuk mencetak, seperti jenis kertas atau saiz kertas.


Anda juga boleh membuat tetapan untuk mencetak kedua-dua belah kertas atau mencetak berbilang halaman pada sehelai lembaran.



Maklumat Perisian

Tab Lagi Pilihan


Anda boleh memilih tataletak tambahan dan pilihan cetakan seperti mengubah saiz hasil cetakan atau membuat pembetulan warna.



Maklumat Perisian

Tab Penyelenggaraan

Anda boleh menjalankan ciri penyelenggaraan seperti pemeriksaan nozel dan pembersihan kepada cetakan dan dengan memulakan **EPSON Status Monitor 3**, anda boleh memeriksa status pencetak dan maklumat ralat.



Membuat Tetapan Pengendalian untuk Pemacu Pencetak Windows

Anda boleh membuat tetapan seperti menayangkan **EPSON Status Monitor 3**.

1. Akses tettingkap pemacu pencetak.
2. Klik **Tetapan Dilanjutkan** pada tab **Penyelenggaraan**.
3. Buat tetapan yang berkenaan, dan kemudian klik **OK**.

Lihat bantuan dalam talian untuk penjelasan mengenai item tetapan.

Maklumat Berkaitan

➔ "[Pemacu Pencetak Windows](#)" pada halaman 62

Pemacu Pencetak Mac OS X

Pemacu pencetak mengawal pencetak mengikut arahan daripada aplikasi. Membuat tetapan pada pemacu pencetak menyediakan hasil percetakan terbaik. Anda juga boleh memeriksa status pencetak atau memeliharanya dalam keadaan pengendalian terbaik menggunakan utiliti pemacu pencetak.

Mengakses pemacu pencetak daripada aplikasi

Klik **Persediaan Halaman** atau **Cetak** pada menu **Fail** aplikasi anda. Sekiranya perlu, klik **Tunjukkan Butiran** (atau ▼) untuk memperluaskan tettingkap cetakan.

Perhatian:

Bergantung kepada aplikasi yang sedang digunakan, **Persediaan Halaman** mungkin tidak dipaparkan dalam menu **Fail** dan operasi untuk memaparkan skrin pencetak mungkin berbeza. Lihat bantuan dalam aplikasi ini untuk maklumat lanjut.


Memulakan utiliti

Pilih **Keutamaan Sistem** daripada  menu > **Pencetak & Pengimbas** (atau **Cetak & Imbas, Cetak & Faks**), kemudian pilih pencetak. Klik **Pilihan & Perlengkapan** > **Utiliti** > **Buka Utiliti Pencetak**.

Panduan ke Pemacu Pencetak Mac OS X

Dialog cetakan

Hidupkan menu pop timbul pada bahagian tengah skrin untuk menunjukkan lebih banyak item.



| Menu Pop Timbul | Penerangan |
|-----------------|---|
| Tetapan Cetak | Anda boleh membuat tetapan asas cetakan seperti jenis kertas dan kualiti cetakan. |

Maklumat Perisian

| Menu Pop Timbul | Penerangan |
|---------------------|---|
| Susun atur | Anda boleh memilih susun atur untuk mencetak beberapa halaman pada sehelai kertas atau memilih untuk mencetak sempadan. |
| Pengendalian Kertas | Anda boleh mengurangkan atau membesarkan saiz kerja cetakan kepada secara automatik muat pada saiz kertas yang anda masukkan. |
| Padanan Warna | Anda boleh melaras warna. |
| Pilihan Warna | Apabila anda memilih EPSON Color Controls dari menu Padanan Warna , anda boleh memilih kaedah pembetulan warna. |

Perhatian:


Pada Mac OS X v10.8.x atau seterusnya, jika menu **Tetapan Cetak** tidak dipaparkan, pemacu pencetak Epson tidak dipasang dengan betul.

Pilih **Keutamaan Sistem** dari  menu > **Pencetak & Pengimbas** (atau **Print & Scan, Print & Fax**), alih keluar pencetak, kemudian tambah semula pencetak. Lihat yang berikut untuk menambah pencetak.

<http://epson.sn>

Epson Printer Utility

Anda boleh menjalankan ciri penyelenggaraan seperti pemeriksaan nozel dan pembersihan kepala cetakan dan dengan memulakan **EPSON Status Monitor**, anda boleh memeriksa status pencetak dan maklumat ralat.



Membuat Tetapan Operasi untuk Pemacu Pencetak Mac OS X

Mengakses Tetingkap Tetapan Operasi pada Pemacu Pencetak Mac OS X

Pilih **Keutamaan Sistem** daripada  menu > **Pencetak & Pengimbas** (atau **Print & Scan, Print & Fax**), kemudian pilih pencetak. Klik **Pilihan & Bekalan** > **Pilihan** (atau **Pemacu**).

Tetapan Pengendalian untuk Pemacu Pencetak Mac OS X

- Langkau Halaman Kosong: Elakkan mencetak halaman kosong.
- Mod Senyap: Mengurangkan bunyi bising yang dikeluarkan oleh pencetak, namun boleh mengurangkan kelajuan cetakan.
- Pencetakan Berkelajuan Tinggi: Mencetak apabila kepala cetakan bergerak di kedua-dua arah. Kelajuan cetakan adalah lebih pantas, tetapi kualiti mungkin menurun.
- Pemberitahuan Amaran: Membenarkan pemacu pencetak untuk memaparkan pemberitahuan amaran.
- Wujudkan komunikasi dwiarah: Selalunya, ini hendaklah ditetapkan ke **Hidup**. Pilih **Mati** apabila memperoleh maklumat pencetak adalah mustahil kerana pencetak dikongsi bersama dengan komputer Windows dalam rangkaian atau untuk sebarang sebab lain.

Epson Scan 2 (Pemacu Pengimbas)

Epson Scan 2 adalah satu aplikasi untuk mengawal pengimbasan. Anda boleh melaraskan saiz, resolusi, kecerahan, kontras, dan kualiti imej yang telah diimbas.

Perhatian:

Anda juga boleh memulakan Epson Scan 2 dari aplikasi imbasan yang mematuhi TWAIN.

Bermula pada Windows

- Windows 10
Klik butang mula dan pilih **Semua aplikasi** > **EPSON** > **Epson Scan 2**.
- Windows 8.1/Windows 8
Masukkan nama aplikasi dalam bahagian carian, dan kemudian pilih ikon yang dipaparkan.
- Windows 7/Windows Vista/Windows XP
Klik butang mula dan pilih **Semua Program** atau **Program** > **EPSON** > **Epson Scan 2** > **Epson Scan 2**.

Bermula pada Mac OS X

Perhatian:

Epson Scan 2 tidak menyokong Mac OS X ciri pensuisan pengguna pantas. Matikan pensuisan pengguna pantas.

Maklumat Perisian

Pilih **Pergi** > **Aplikasi** > **Epson Software** > **Epson Scan 2**.

Maklumat Berkaitan

➔ ["Memasang Aplikasi" pada halaman 72](#)

Epson Event Manager

Epson Event Manager adalah satu aplikasi yang membolehkan anda menguruskan imbasan dari panel kawalan dan menyimpan imej-imej ke komputer. Anda boleh menambah tetapan anda sendiri sebagai pratetap, seperti jenis dokumen, lokasi folder simpan, dan format imej. Lihat bantuan dalam aplikasi ini untuk maklumat lanjut.

Bermula pada Windows

Windows 10

Klik butang mula dan pilih **Semua aplikasi** > **Epson Software** > **Event Manager**.

Windows 8.1/Windows 8

Masukkan nama aplikasi dalam bahagian carian, dan kemudian pilih ikon yang dipaparkan.

Windows 7/Windows Vista/Windows XP

Klik pada butang mula, dan kemudian pilih **Semua Program** atau **Program** > **Epson Software** > **Event Manager**.

Bermula pada Mac OS X

Pilih **Pergi** > **Aplikasi** > **Epson Software** > **Event Manager**.

Maklumat Berkaitan

➔ ["Mengimbas daripada Panel Kawalan" pada halaman 42](#)

➔ ["Memasang Aplikasi" pada halaman 72](#)

Epson Easy Photo Print

Epson Easy Photo Print adalah satu aplikasi yang membolehkan anda dengan mudah mencetak foto dengan pelbagai susun atur. Anda boleh pratonton imej foto dan melaraskan imej atau kedudukan. Anda juga boleh mencetak foto dengan bingkai. Lihat bantuan dalam aplikasi ini untuk maklumat lanjut.

Perhatian:

Untuk menggunakan aplikasi ini, pemacu pencetak yang perlu dipasang.

Bermula pada Windows

Windows 10

Klik butang mula dan pilih **Semua aplikasi** > **Epson Software** > **Epson Easy Photo Print**.

Windows 8.1/Windows 8

Masukkan nama aplikasi dalam bahagian carian, dan kemudian pilih ikon yang dipaparkan.

Maklumat Perisian

- ❑ Windows 7/Windows Vista/Windows XP

Klik butang mula dan pilih **Semua Program** atau **Program** > **Epson Software** > **Epson Easy Photo Print**.

Bermula pada Mac OS X

Pilih **Pergi** > **Aplikasi** > **Epson Software** > **Epson Easy Photo Print**.

Maklumat Berkaitan

➔ ["Memasang Aplikasi" pada halaman 72](#)

Cetakan E-Web (untuk Windows Sahaja)

E-Web Print adalah satu aplikasi yang membolehkan anda dengan mudah mencetak halaman laman web dengan pelbagai susun atur. Lihat bantuan dalam aplikasi ini untuk maklumat lanjut. Anda boleh mengakses bantuan dari menu **E-Web Print** pada **E-Web Print** bar alat.

Perhatian:

Semak pelayar yang disokong dan versi terkini daripada tapak muat turun.

Memulakan

Apabila anda memasang E-Web Print, ia dipaparkan dalam pelayar anda. Klik **Print** atau **Clip**.

Maklumat Berkaitan

➔ ["Memasang Aplikasi" pada halaman 72](#)

EPSON Software Updater

EPSON Software Updater adalah satu aplikasi yang menyemak perisian baharu atau yang dikemas kini di internet dan memasang ia. Anda juga boleh mengemas kini perisian tegar dan manual pencetak.

Bermula pada Windows

- ❑ Windows 10

Klik butang mula dan pilih **Semua aplikasi** > **Epson Software** > **EPSON Software Updater**.

- ❑ Windows 8.1/Windows 8

Masukkan nama aplikasi dalam bahagian carian, dan kemudian pilih ikon yang dipaparkan.

- ❑ Windows 7/Windows Vista/Windows XP

Klik pada butang mula, kemudian pilih **Semua Program** (atau **Program**) > **Epson Software** > **EPSON Software Updater**.

Perhatian:

*Anda juga boleh memulakan EPSON Software Updater dengan mengklik ikon pencetak pada bar tugas pada desktop dan kemudian pilih **Kemas Kini Perisian**.*

Bermula pada Mac OS X

Pilih **Pergi** > **Aplikasi** > **Epson Software** > **EPSON Software Updater**.

Maklumat Berkaitan


→ ["Memasang Aplikasi" pada halaman 72](#)

Menyahpasang Aplikasi

Perhatian:

Log masuk ke komputer anda sebagai pentadbir. Masukkan kata laluan pentadbir jika komputer menggesa anda.

Menyahpasang Aplikasi — Windows

1. Tekan butang  untuk mematikan pencetak.
2. Hentikan semua aplikasi yang sedang berjalan.
3. Buka **Panel Kawalan**:
 - Windows 10
Klik kanan butang mula atau tekan dan tahan, kemudian pilih **Panel Kawalan**.
 - Windows 8.1/Windows 8
Pilih **Desktop > Tetapan > Panel Kawalan**.
 - Windows 7/Windows Vista/Windows XP
Klik butang mula dan pilih **Panel Kawalan**.
4. Buka **Nyahpasang program** (atau **Tambah dan Buang Program**):
 - Windows 10/Windows 8.1/Windows 8/Windows 7/Windows Vista
Pilih **Nyahpasang program** dalam **Program**.
 - Windows XP
Klik **Tambah atau Buang Program**.
5. Pilih aplikasi yang anda mahu nyahpasang.
6. Nyahpasang aplikasi:
 - Windows 10/Windows 8.1/Windows 8/Windows 7/Windows Vista
Klik **Nyahpasang/Tukar** atau **Nyahpasang**.
 - Windows XP
Klik **Tukar/Buang** atau **Buang**.

Perhatian:

*Sekiranya tettingkap **Kawalan Akaun Pengguna** dipaparkan, klik **Teruskan**.*

7. Ikut arahan pada skrin.

Memasang Aplikasi

Sambungkan komputer anda kepada rangkaian dan pasang versi terkini aplikasi daripada tapak web.

Perhatian:

- ❑ *Log masuk ke komputer anda sebagai pentadbir. Masukkan kata laluan pentadbir jika komputer menggesa anda.*
- ❑ *Apabila memasang semula sesuatu aplikasi, anda perlu menyahpasang terlebih dahulu.*

1. Hentikan semua aplikasi yang sedang berjalan.
2. Apabila memasang pemacu pencetak atau Epson Scan 2, putus sambungan pencetak dan komputer buat sementara waktu.

Perhatian:

Jangan sambungkan pencetak dan komputer sehingga anda diarahkan untuk berbuat demikian.

3. Akses laman web berikut, dan kemudian masukkan nama produk.

<http://epson.sn>

4. Pilih **Persediaan**, dan kemudian klik **Muat turun**.
5. Klik atau klik dua kali fail yang dimuat turun dan kemudian ikut arahan pada skrin.

Perhatian:

Sekiranya anda menggunakan komputer Windows dan anda tidak boleh memuat turun aplikasi daripada tapak web, pasangannya daripada cakera perisian yang datang bersama dengan pencetak.

Maklumat Berkaitan

- ➔ "[Menyahpasang Aplikasi](#)" pada halaman 71

Mengemas Kini Aplikasi dan Perisian Tegar

Anda mungkin boleh menyelesaikan masalah tertentu dan meningkatkan atau menambah fungsi dengan mengemas kini aplikasi dan perisian tegar. Pastikan anda menggunakan versi terbaru aplikasi dan perisian tegar.

1. Pastikan pencetak dan komputer disambungkan, dan komputer disambungkan ke internet.
2. Mulakan EPSON Software Updater, dan kemas kini aplikasi dan perisian tegar.



Penting:

Jangan matikan komputer atau pencetak semasa mengemas kini.

Perhatian:

Sekiranya anda tidak dapat mencari aplikasi yang anda ingin kemas kini dalam senarai tersebut, anda tidak boleh kemas kini menggunakan EPSON Software Updater. Periksa untuk versi terkini aplikasi daripada laman web Epson tempatan anda.

<http://www.epson.com>

Maklumat Perisian

Maklumat Berkaitan

➔ ["EPSON Software Updater"](#) pada halaman 70

Menyelesaikan Masalah

Memeriksa Status Pencetak














Memeriksa Petunjuk Ralat pada Pencetak

Apabila ralat berlaku, lampu menyala atau berkelip. Butiran ralat dipaparkan pada skrin komputer.


■: Buka

 : Berkelip perlahan

 : Berkelip pantas

| Lampu | Situasi | Penyelesaian |
|---|---|---|
|  | Tiada kertas dimasukkan atau lebih daripada sehelai dimasukkan pada satu-satu masa. | Masukkan kertas dan tekan butang  atau  . |
|  | Kertas tersekat berlaku. | Keluarkan kertas dan tekan butang  atau  . |
|  | Pengecasan dakwat awal mungkin tidak lengkap. | Lihat poster <i>Mula di Sini</i> untuk melengkapkan pengecasan dakwat awal. |
|  | Lampu  menyala dan  berkelip. Pad dakwat semakin hampir atau berada di hujung hayat perkhidmatannya. | Pad dakwat perlu digantikan. Hubungi Epson atau pembekal perkhidmatan Epson yang disahkan untuk menggantikan pad dakwat*. Ia adalah bahagian yang tidak boleh diselenggara pengguna. Apabila mesej mengatakan anda boleh terus mencetak dipaparkan pada komputer, tekan butang  atau  untuk teruskan cetakan. Lampu berhenti berkelip untuk sementara, bagaimanapun, ia akan terus berkelip pada selang yang kerap sehingga pad dakwat digantikan. |
|  | Ralat pencetak telah berlaku. | Buka unit pengimbas dan keluarkan sebarang kertas atau bahan perlindungan di dalam pencetak. Matikan kuasa dan hidupkan semula. Sekiranya ralat terus berlaku selepas memadamkan kuasa dan menghidupkannya sekali lagi, hubungi sokongan Epson. |

Menyelesaikan Masalah

| Lampu | Situasi | Penyelesaian |
|---|--|---|
|  | Pencetak telah dimulakan dalam mod pemulihan kerana kemas kini perisian tegar telah gagal. | <p>Ikuti langkah-langkah di bawah untuk cuba mengemaskini perisian tegar sekali lagi.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sambungkan komputer dan pencetak dengan kabel USB. 2. Layari laman web Epson tempatan anda untuk mendapatkan arahan lanjut. |

* Dalam beberapa kitaran cetakan jumlah lebih dakwat yang sangat kecil dikumpulkan di dalam pad dakwat. Untuk mengelakkan kebocoran dakwat dari pad, pencetak direka untuk menghentikan percetakan apabila pad telah mencapai hadnya. Sama ada dan berapa kerap perkara ini diperlukan berbeza mengikut jumlah halaman yang anda cetak, jenis bahan yang anda cetak dan bilangan kitaran cucian yang pencetak lakukan. Keperluan untuk penggantian pad tidak bermakna bahawa pencetak anda telah berhenti beroperasi mengikut spesifikasi. Pencetak akan menasihati anda bila pad perlu diganti dan ini hanya boleh dilakukan oleh seseorang yang disahkan oleh pembekal Perkhidmatan Epson. Jaminan Epson tidak meliputi kos penggantian ini.

Maklumat Berkaitan

- ➔ ["Menghubungi Sokongan Epson" pada halaman 101](#)
- ➔ ["Memasang Aplikasi" pada halaman 72](#)
- ➔ ["Mengemas Kini Aplikasi dan Perisian Tegar" pada halaman 72](#)

Memeriksa Status Pencetak — Windows

1. Akses tettingkap pemacu pencetak.
2. Klik **EPSON Status Monitor 3** pada tab **Penyelenggaraan**.


Perhatian:

- Anda juga boleh menyemak status pencetak dengan mengklik dua kali ikon pencetak pada palang tugas. Sekiranya ikon pencetak tidak ditambah ke palang tugas, klik **Keutamaan Pengawasan** pada tab **Penyelenggaraan**, dan kemudian pilih **Daftar ikon pintasan pada bar tugas**.*
- Sekiranya **EPSON Status Monitor 3** dinyahdayakan, klik **Tetapan Dilanjutkan** pada tab **Penyelenggaraan**, dan kemudian pilih **Dayakan EPSON Status Monitor 3**.*

Maklumat Berkaitan

- ➔ ["Pemacu Pencetak Windows" pada halaman 62](#)

Memeriksa Status Pencetak — Mac OS X

1. Pilih **Keutamaan Sistem** daripada  menu > **Pencetak & Pengimbas** (atau **Cetak & Imbas, Cetak & Faks**), kemudian pilih pencetak.
2. Klik **Pilihan & Perlengkapan** > **Utiliti** > **Buka Utiliti Pencetak**.
3. Klik **EPSON Status Monitor**.

Mengeluarkan Kertas Yang Tersekat

Periksa ralat yang dipaparkan pada panel kawalan dan ikut arahan untuk mengeluarkan kertas yang tersekat termasuk sebarang kepingan yang terkoyak. Seterusnya, padamkan ralat.

**Penting:**


Keluarkan kertas yang tersekat dengan berhati-hati. Mengeluarkan kertas secara kasar boleh menyebabkan kerosakan kepada pencetak.

Maklumat Berkaitan

➔ ["Memeriksa Petunjuk Ralat pada Pencetak"](#) pada halaman 74

Mengeluarkan Kertas Tersekat daripada Suapan Kertas Belakang

Keluarkan kertas yang tersekat.




Mengeluarkan Kertas Yang Tersekat daripada Dalam Pencetak

**Awas:**


- Berhati-hati supaya tidak memerangkap tangan atau jari anda apabila membuka atau menutup unit pengimbas. Jika tidak, anda mungkin tercedera.*
- Jangan sentuh butang pada panel kawalan semasa tangan anda berada dalam pencetak. Sekiranya pencetak bermula beroperasi, ia boleh menyebabkan kecederaan. Berhati-hati untuk tidak menyentuh bahagian yang menonjol bagi mengelakkan kecederaan.*

Menyelesaikan Masalah

1. Buka unit pengimbas dengan penutup dokumen itu ditutup.




2. Keluarkan kertas yang tersekat.




! **Penting:**

Jangan sentuh kabel leper putih, bahagian lut, dan tiub dakwat dalam pencetak. Berbuat demikian boleh menyebabkan kerosakan.



Menyelesaikan Masalah

3. Tutup unit pengimbas.



Kertas Tidak Suap Dengan Betul

Periksa perkara berikut dan kemudian ambil tindakan yang sesuai untuk menyelesaikan masalah tersebut.

- Letakkan pencetak di atas permukaan yang rata dan beroperasi dalam persekitaran yang disyorkan.
- Gunakan kertas yang disokong oleh pencetak ini.
- Ikut langkah-langkah pengendalian kertas.

Maklumat Berkaitan

- ➔ ["Spesifikasi Alam Sekitar"](#) pada halaman 96
- ➔ ["Langkah Berjaga-jaga Mengendalikan Kertas"](#) pada halaman 16
- ➔ ["Kertas Tersedia dan Kapasiti"](#) pada halaman 17
- ➔ ["Senarai Jenis Kertas"](#) pada halaman 18

Kertas Tersekat

- Muatkan kertas dalam arah yang betul, dan luncurkan tepi panduan terhadap tepi kertas.
- Muatkan satu helai kertas pada satu-satu masa jika anda telah memuatkan beberapa helai kertas.

Maklumat Berkaitan

- ➔ ["Mengeluarkan Kertas Yang Tersekat"](#) pada halaman 76
- ➔ ["Memasukkan Kertas ke dalam Suapan Kertas Belakang"](#) pada halaman 18

Kertas Disuapkan secara Condong.

Muatkan kertas dalam arah yang betul, dan luncurkan tepi panduan terhadap tepi kertas.

Menyelesaikan Masalah

Maklumat Berkaitan

→ ["Memasukkan Kertas ke dalam Suapan Kertas Belakang"](#) pada halaman 18

Beberapa Helai Kertas Disuapkan Pada satu-satu Masa.

- Muatkan satu helai kertas pada satu-satu masa.
